

ARKIB NEGARA MALAYSIA
KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL (KSPN) 2024

DASAR EKONOMI BARU PEMANGKIN PERPADUAN NEGARA

OLEH:

RAIS SANIMAN K.M.N., PhD.

Mantan Senior Fellow
Christian Michelsen Institute of Human Rights,
Bergen, Norway.
Ahli MPM; MASA.

Assalaamu 'alaikum. Bismillahirrahmanirrahiim.

Selamat Petang semua.

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Selamat Datang ke perbincangan panel ini, sempena **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024**, anjuran Arkib Negara Malaysia.

Saya berasa amat bersyukur menjadi salah seorang ahli panel dalam program ini. Justeru, dengan penuh rasa rendah diri, saya rakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada **Arkib Negara Malaysia** atas jemputan ini, khususnya **Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dato' Jaafar Sidek Bin Haji Abdul Rahman**, dan para kakitangan dan petugasnya.

Seterusnya kepada para pembentang kertas kerja petang ini, **Yang Bahagia Tan Sri Datuk Amar Leo Moggie Anak Irok, Yang Bahagia Professor Emeritus Tan Sri Datuk Dr Anuwar bin Ali, Yang Bahagia Dato' Professor Ulung Dr Rajah a/l Rasiah dan Yang Bahagia Professor Emeritus Dr Barjoyai Bardai.**

Terima kasih juga kepada semua yang hadir, yang saya percaya datang atas kesungguhan dan minat mendalam untuk memahami sejarah kita, sejarah negara kita, sejarah yang telah membawa kita di mana kita berada hari ini, sama ada kita mahu atau tidak mahu, setuju atau tidak setuju, kerana itu adalah hasil perancangan dan pelaksanaan para pemimpin kita terdahulu, sepanjang zaman dalam laluan sebuah negara Merdeka.

Tidak lupa sanjungan hormat saya kepada beberapa insan yang turut membantu dan memberi motivasi kepada saya dalam proses menyediakan kertas kerja ini, iaitu **Dato' Noordin, Profesor Yahya dan Dr Fauzi Shaffie.**

Saya akan bentangkan beberapa pandangan saya mengenai tajuk yang telah diberikan, iaitu '**Dasar Ekonomi Baru Pemangkin Perpaduan Negara.**'

Saya telah menyaksikan secara terus, evolusi sistem ekonomi Malaysia, sejak menjadi staf kepada Bapa Kemerdekaan - Tunku Abdul Rahman, Bapa Pembangunan - Tun Razak, sebagai Ketua Ekonomis Bank Negara Malaysia di bawah Guvernor Tun Ismail, di IMF dan OECD, dan memberi perkhidmatan kepada negara yang saya cintai ini dalam beberapa kapasiti lain di beberapa agensi Kerajaan.

1. Ideologi Nasional sejak Merdeka: Malaysia yang Bersatupadu dalam Kepelbagaian

- 1.1 Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Siew Sin, Tun Sambathan, Wakil- wakil dari Sarawak dan Sabah
- 1.2 Kesaksamaan Politik
- 1.3 Ketidaksaksamaan Ekonomi yang boleh diterima
- 1.4 Demokrasi, Masyarakat Sivil (*Madani*), Hak-Hak Asasi Manusia, Ekonomi Terbuka

2. Asas Perundangan Negara Baharu

2.1 Perlembagaan Persekutuan

2.2 Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan

2.3 Rukun Negara

2.4 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu

2.5 Kontrak Sosial 1957 dan Jus Soli

3. Komposisi Penduduk Malaysia

3.1 Melayu/ Bumiputera membentuk sekitar 70% daripada jumlah Penduduk

3.1.1 Penduduk Majoriti

3.2 Bukan Bumiputera dan lain-lain 30%

4. Rusuhan Kaum 1969: Malaysia – salah sebuah masyarakat paling tidak saksama dalam dunia

4.1 Ketidaksaksamaan Ekstrem pada garis Kaum dan Kawasan

4.2 Melayu Bumiputera berasa mereka tidak dapat manfaat daripada Merdeka

4.2.1 Bagi mereka, kehidupan mereka kekal serupa, jika tidak lebih buruk

5. Strategi Induk Tun Razak untuk Satupadukan Negara – Polisi Inklusif dalam Politik dan Ekonomi dalam Era Baharu Pasca Merdeka

5.1 Kesaksamaan Politik - Barisan Nasional

5.2 DEB – Kurangkan Kemiskinan dan Ketidaksaksamaan Ekstrem Sosioekonomi antara Kaum dan Kawasan

6. Matlamat Polisi DEB –S1/S3

6.1 Pertumbuhan – Pertumbuhan Sebenar
Maksimum sekitar 6.4% setahun

6.2 Pengurangan Ketara dalam Kemiskinan Luar
Bandar dan Bandar tanpa mengira Kaum

6. Matlamat Polisi DEB - S2/S3

6.3 Penstrukturan Semula Masyarakat Malaysia dengan pengurangan muktamad kepada ketidakseimbangan ekonomi dalam bentuk:

6.3.1 Kerja (*Jobs*)

6.3.2 Pendapatan (*Income*)

6.3.3 Pekerjaan (*Employment*)

6.4 Polisi Pekerjaan Penuh

6.5 Peranan Campur-tangan (*Interventionist*) Kerajaan dalam Sektor Swasta dan Agensi-Agensi Kerajaan

6. DEB Policy Objectives – S3/S3

6.6 Polisi Sosial yang Mengelak Konflik Komunal

6.7 Pemantauan Data ke atas Polisi-Polisi dan Maklum Balas kepada polisi-polisi disebut di atas.

6.8 Dua Malamat Utama Polisi DEB:

6.8.1 Membasmi Kemiskinan Tanpa Mengira Kaum

6.8.2 Penstrukturan Semula Masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.

7. Kejayaan DEB

- 7.1 Pertumbuhan Ekonomi – salah satu yang tertinggi dalam dunia secara lestari - *Berjaya*
- 7.2 Pengurangan Kemiskinan Luar Bandar dan Bandar - *Berjaya*
- 7.3 Penstrukturan Semula Masyarakat untuk Membaiki Ketidakseimbangan Ekonomi Antara Kaum – *Bercampur antara Berjaya dan Gagal*
- 7.4 Pekerjaan Penuh – *Berjaya*. Berjuta imigran datang bekerja
- 7.5 Kerajaan Campur-tangan (*Interventionist government*): *Berjaya*
- 7.6 Polisi Sosial – *Bercampur antara Berjaya dan Gagal*
- 7.7 Pemantauan – *Bercampur antara Berjaya dan Gagal*

8. Kegagalan DEB – S1/S2

8.1 Penstrukturan Semula Masyarakat – *Gagal*

8.1.1 Diskriminasi Sektor Swasta

8.1.1.1 Pekerjaan

8.1.1.2 Kelas Melayu Niaga dan Industri

8.2 *Penyelesaian 1: Reform Sektor Swasta yang bersifat eksklusif kepada Sektor Peluang Saksama kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.*

8. Kegagalan DEB – S2/S2

8.3 Penyelesaian 2: Perkenalkan Undang-Undang Peluang Saksama seperti di negara-negara membangun

8.3.1 Pekerjaan

8.3.2 Kelas Melayu Niaga dan Industri: membuka penyertaan ke dalam rantai pembekalan

8.3.3 Anugerahkan pelbagai insentif menarik kepada sektor swasta yang melaksanakan tuntutan Undang-undang Peluang Saksama yang dicadangkan.

9. Pelanggaran Hak Asasi Manusia Orang Melayu Bumiputera oleh Sektor Swasta – S1/S2

- 9.1 Sektor Swasta melanggar Hak Asasi Orang Melayu dalam konteks semua peruntukan undang-undang yang disenaraikan dalam ***Slaid #5*** di atas.
- 9.2 Orang Melayu Bumiputera yang ‘jinak’, lalai tentang Hak-Hak Asasi Mereka.

9. Pelanggaran Hak Asasi Manusia Orang Melayu Bumiputera oleh Sektor Swasta – S2/S2

- 9.3 Pemimpin politik dan intelektual Melayu Bumiputera hanya diam tentang Hak-Hak Asasi kaum mereka.
- 9.4 Mereka tidak tahu bagaimana hendak mengguna instrumen-instrumen Hak-Hak Asasi mereka untuk mengangkat status sosioekonomi kaum mereka, justeru, mereka boleh hilang Hak-Hak Asasi mereka kerana lalai (*by default*).
- 9.5 Seterusnya, mereka terdedah kepada penjajahan semula.

10. Ekonomi Madani – S1/S2

10.1 Berpaksi kepada Rakyat, berpandu kepada prinsip keadilan Islam, Keadilan Sosial, mempertingkatkan kebajikan rakyat.

10.2 PUTERA 35

10. Ekonomi Madani – S2/S2

10.3 Pertumbuhan saksama, Pembangunan Seimbang, inklusif, kelestarian, reform, inovasi, persaingan dan membanteras rasuah yang telah meresap ke dalam masyarakat Malaysia.

10.4 BRICS

10.5 Dan lain-lain.

11. Kesimpulan – S1/S3

11.1 *Persoalan*: Adakah perancangan Pelan Induk Politik dan Ekonomi Tun Razak merupakan strategi inklusif tanpa mengira kaum tersebut telah berjaya menyatupadukan semula rakyat Malaysia seperti impian para pengasas negara?

11.2 DEB Berjaya mencapai ***kejayaan separa*** - kerana ianya tidak dilaksanakan sepenuhnya dan akhirnya dibiarkan terbengkalai.

11. Kesimpulan – S2/S3

11.2.1 Diskriminasi Sektor Swasta :

11.2.1.1 Amalan Diskriminasi Pekerjaan Sektor Swasta – yang meminggirkan komuniti Melayu Bumiputera daripada penyertaan penuh dalam 80% pasaran kerja negara.

11.2.1.2 Kelas Niaga dan Industri Melayu Bumiputera stabil pada tahap 16%, kurang daripada sasaran sebenar 30%, sejak 60 tahun.

11. Kesimpulan – S3/S3

- 11.3 Trend masa depan dan corak keadaan sosioekonomi akan kekal sama seperti 67 tahun lalu, kecuali dilaksanakan reform dalam sektor swasta menjadi Sektor Peluang Saksama.
- 11.4 Perpaduan Negara dalam Kepelbagaian masih lagi pada tahap ‘kerja sedang dalam pelaksanaan.’
- 11.5 Ekonomi Madani mempunyai pakej lengkap elemen strategik untuk membawa penambahbaikan kepada ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dan juga akan membawa kesan penambahbaikan dalam hubungan antara-etnik dan perpaduan negara

PENUTUP

- ❖ Saya doakan semoga Konvensyen ini mencapai matlamatnya, dan berjaya mendedahkan beberapa fakta dan sejarah yang mungkin sebelum ini tidak pernah ditimbulkan.
- ❖ Terima kasih kepada semua yang telah berpenat lelah menganjurkan program besar ini, daripada perancangan di Bilik Gerakan, menyusun atur program dan pelaksanaannya, hinggalah kepada mereka yang desain poster dan yang membuat jemputan.

**Tuai padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Kita berkonvensyen mengukuh pasak
Bina negara kukuh perpaduan
~RAÍS SANÍMAN**